



Berita Rakan Penabur

April-September 2026

Warta yang menghubungkan pelayanan penerbitan dan gereja BM

Umat yang Terpilih, Bangsa yang Suci

Tetapi kamu umat terpilih, para imam raja, bangsa suci, umat-Nya sendiri, yang dipilih untuk mengisytiharkan puji-pujian bagi Dia yang telah memanggilmu daripada kegelapan kepada cahaya-Nya yang gemilang. (1 Petrus 2:9, AVB)

Menurut Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (MyCensus), Malaysia mempunyai kira-kira 32.4 juta penduduk, di mana 2.94 juta orang (9.1%) adalah Kristian. Sarawak dan Sabah bersama-sama merangkumi sekitar dua pertiga (67%) daripada keseluruhan populasi Kristian di negara ini, manakala baki satu pertiga (kira-kira 970,000 orang Kristian) tinggal di Semenanjung Malaysia dan Wilayah-Wilayah Persekutuan.

Umat Kristian merupakan kumpulan terbesar di Sarawak (42.4%) dan Sabah (27.2%). Sebahagian besar penganut Kristian di Malaysia beribadah dalam Bahasa Malaysia, menjadikan gereja-gereja Bahasa Malaysia sebagai komponen penting dalam gereja di peringkat nasional.

Golongan yang sering terlepas pandang ialah Orang Asli, penduduk asal Semenanjung Malaysia yang diiktiraf secara rasmi di bawah Akta Orang Asli 1954. Mereka berbeza daripada masyarakat pribumi di Sabah dan Sarawak, dan terdiri daripada 18 subetnik yang secara tradisinya diklasifikasikan kepada tiga kumpulan utama, iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto.

Menurut Laporan Khas Demografi Orang Asli 2025 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang diterbitkan pada 14 Oktober 2025, jumlah penduduk Orang Asli ialah 227,900 orang, mewakili kira-kira 0.7% daripada jumlah penduduk Semenanjung Malaysia. Walaupun jumlah mereka kecil, Orang Asli merupakan salah satu kelompok masyarakat yang paling kaya dengan kepelbagaian budaya serta mempunyai kepentingan sejarah yang besar di negara ini.

Kekristianan dalam Kalangan Orang Asli

Banci 2020 mencatatkan 23,228 orang (10.9%) Orang Asli beragama Kristian, 58,072 orang (27.2%) beragama Islam, manakala 108,020 orang (50.6%) masih berpegang kepada kepercayaan tradisional. Orang Asli Kristian tertumpu di lima negeri yang mempunyai populasi Orang Asli yang lebih besar serta telah menerima pelayanan Kristian dan usaha penanaman gereja sejak beberapa dekad yang lalu.



Negeri	Orang Asli Kristian
Perak	12,823
Pahang	5,951
Selangor	4,827
Kelantan	1,145
Negeri Sembilan	1,082

Dari 18 subetnik Orang Asli itu, jumlah orang Kristian lebih tinggi di kalangan suku Semai, Temiar dan Mah Meri, yang telah mengalami sejarah pertumbuhan gereja yang lebih panjang. Sebaliknya, beberapa kumpulan Negrito masih mempunyai bilangan penganut Kristian yang agak kecil.

Kepentingan Gereja Orang Asli

Walaupun masyarakat Orang Asli hanya mewakili sebahagian kecil daripada penduduk Malaysia, kedudukan mereka dalam Tubuh Kristus amat signifikan. Sebagai penduduk asal atau "orang pertama" di Semenanjung Malaysia, mereka mempunyai tempat yang unik dalam sejarah dan warisan budaya negara. Mereka adalah **Anak Sulung** Tanah Melayu, dan mempunyai peranan yang istimewa dalam tujuan serta rencana Allah bagi negara ini.

Oleh itu, adalah penting bagi gereja-gereja mengiktiraf, menerima, dan menjalin kerjasama dengan gereja-gereja Orang Asli dalam usaha memperkukuhkan kepimpinan pribumi serta menggalakkan pertumbuhan rohani yang mampan. Gereja Orang Asli tidak seharusnya dilihat semata-mata sebagai ladang misi, tetapi sebagai sebahagian yang penting daripada Gereja di Malaysia, yang dikurniakan karunia, hikmat, serta sumbangan yang dapat memberkati seluruh Tubuh Kristus.

Pelayanan yang berkesan dalam kalangan Orang Asli perlu mengiktiraf kepelbagaian budaya, bahasa, dan latar belakang sejarah mereka, dan bukannya menganggap mereka sebagai satu kelompok yang seragam. Pemuridan yang kontekstual, pembinaan hubungan jangka panjang, penterjemahan Alkitab, pembangunan kepimpinan, serta kerjasama yang tulen dengan orang percaya daripada komuniti Orang Asli sendiri merupakan asas yang penting bagi pertumbuhan gereja Orang Asli yang sihat dan mampan.

Sesungguhnya, mereka juga ialah "bangsa yang terpilih, imam-imam yang mengabdikan diri kepada Raja, bangsa yang suci, umat Allah sendiri. Allah memilih mereka untuk mengisytiharkan perbuatan-Nya yang luar biasa. Allah sudah memanggil mereka keluar daripada kegelapan supaya masuk ke dalam cahaya-Nya yang gemilang." (1 Petrus 2:9, BM)





Salah satu perkembangan yang paling luar biasa dalam sejarah gereja Orang Asli ialah kebangunan rohani yang berlaku dalam kalangan suku Temiar di Kelantan dan Perak. Bermula pada tahun 1970-an dan berterusan dalam pelbagai bentuk sepanjang dekad-dekad berikutnya, gerakan ini menyaksikan banyak komuniti Temiar menyambut Injil melalui pelayanan orang percaya tempatan, para perintis gereja, dan pekerja misi. Apa yang berlaku bukanlah satu peristiwa kebangunan rohani yang terpencil, tetapi suatu gerakan pembaharuan rohani dan pertumbuhan gereja yang berterusan sehingga membawa perubahan kepada banyak perkampungan.

Pertumbuhan gereja dalam kalangan suku Temiar banyak dipengaruhi oleh jaringan keluarga dan komuniti, bukannya melalui struktur institusi yang formal. Injil disampaikan melalui hubungan peribadi, kesaksian lisan, doa, dan ibadah secara bersama. Ramai orang Kristian Temiar bersaksi bahawa mereka mengalami kuasa Tuhan melalui doa yang dijawab, kesembuhan fizikal dan emosi, pembebasan daripada ketakutan yang berkaitan dengan roh-roh dan amalan ritual tradisional, serta penemuan harapan dan tujuan hidup yang baharu di dalam Kristus.



Salah satu faktor utama yang memastikan gerakan ini terus bertahan ialah kemunculan kepimpinan tempatan. Semakin ramai orang percaya Temiar mengambil tanggungjawab untuk memimpin jemaat, menginjili komuniti-komuniti berdekatan, dan memuridkan orang percaya yang baharu. Hal ini membolehkan gereja terus berkembang dengan cara yang bermakna dalam konteks budaya mereka, sambil tetap berakar teguh dalam ajaran Alkitab.


Pengalaman suku Temiar menonjolkan beberapa prinsip penting bagi pelayanan dalam kalangan masyarakat pribumi. Injil berakar lebih mendalam apabila disampaikan dalam bahasa hati sesuatu kaum, apabila hubungan kekeluargaan dan komuniti dihormati serta diperkukuhkan, dan apabila orang percaya tempatan diperlengkapi serta diperkasa untuk memimpin. Pada hari ini, gereja Temiar merupakan salah satu contoh paling hidup tentang kekristianan pribumi dalam kalangan Orang Asli, dan terus memberikan pengajaran yang berharga bagi misi, perintisan gereja, dan pemuridan di Malaysia.



Perlu dijelaskan bahawa walaupun istilah "Kebangunan Rohani Temiar" sering digunakan dalam kalangan gereja di Malaysia, istilah ini tidak merujuk kepada satu peristiwa kebangunan rohani yang tunggal. Sebaliknya, ia merujuk kepada satu siri kebangunan rohani, usaha-usaha perintisan gereja, dan pertumbuhan gereja yang berterusan dalam kalangan komuniti Temiar sejak tahun 1970-an. Perkembangan ini telah didokumentasikan melalui kesaksian para pemimpin gereja Orang Asli, pengamal misi, dan para penyelidik yang mengkaji sejarah serta perkembangan Kekristianan dalam kalangan Orang Asli.

Beberapa rujukan:

1. Geoffrey Benjamin (2014). *Temiar Religion, 1964–2012: Enchantment, Disenchantment and Re-enchantment in Malaysia's Uplands*. NUS Press.
2. David P. Quinton (2022). *The Temiars of the Puyan River (Vol 1 & 2)*. NUS Press
3. Colin Nicholas, *Another Orang Asli Church to be Demolished*. Aliran, September 22, 2010.





Sekolah Kepimpinan Isakhar-Timotius (SKIT) diwujudkan sebagai respons kepada kerinduan rohani yang semakin meningkat dalam kalangan belia Orang Asli. Pada tahun ini, kami telah melancarkan SKIT yang pertama dengan penyertaan 10 orang pelajar (18 Mei–20 Jun 2026).

Walaupun Sekolah Kepimpinan Isakhar (SKI), yang dimulakan pada tahun 2024, telah melayani lepasan Tingkatan 5 dengan berkesan, kami mendapati bahawa belia Orang Asli memerlukan satu kurikulum yang lebih sistematik, praktikal, dan dikontekstualisasikan sesuai dengan keperluan serta peluang pelayanannya yang unik. Oleh itu, SKIT dibangunkan untuk menyediakan pemuridan yang terancang, latihan Alkitab, pembangunan kepimpinan, dan pengalaman pelayanannya secara praktikal.



Berpandukan tema “Pimpin Diri Ikut Kristus,” SKIT ialah sebuah sekolah Alkitab berkediaman selama lima minggu yang dikhususkan untuk belia Orang Asli berumur 18 hingga 25 tahun. Melalui pengajaran Alkitab, penyembahan, doa, bimbingan (mentoring), kehidupan berk komuniti, dan pendedahan kepada pelayanannya, para peserta didorong untuk memperdalam hubungan mereka dengan Kristus serta membentuk peribadi dan kemahiran yang diperlukan untuk menjadi pemimpin Kristian.

Sekolah ini mendapat inspirasi daripada dua teladan Alkitab. Seperti Timotius, para pelajar dicabar untuk menjadi teladan dalam percakapan, tingkah laku, kasih, iman, dan kesucian walaupun masih muda (1 Timotius 4:12). Seperti bani Isakhar, mereka didorong untuk memahami zaman dan mengetahui kehendak Tuhan bagi generasi mereka (1 Tawarikh 12:32).



Satu detik bersejarah telah dicapai pada 20 Jun 2026 apabila SKIT meraikan graduasi kohort sulungnya, yang terdiri daripada 10 orang pelajar mewakili empat suku Orang Asli (Semai, Temuan, Semelai dan Jakun). Perjalanan mereka mencerminkan kesetiaan Tuhan dan memberikan gambaran tentang pemimpin-pemimpin yang sedang Tuhan bangkitkan dalam kalangan generasi baharu orang Kristian pribumi di Malaysia.

Seorang pemimpin Orang Asli berkata, “SKIT telah memulihkan martabat masyarakat kami. Saya amat bersyukur dapat menyaksikan dan mendengar kesaksian para pelajar semasa majlis graduasi. Pada ketika itulah saya benar-benar menyedari bahawa SKIT ialah sesuatu yang sangat istimewa.” Tiga orang pelajar yang tidak pernah berpeluang bersekolah menengah menjadi sebak kerana mereka tidak pernah membayangkan bahawa suatu hari nanti mereka akan dapat mengenakan jubah graduasi. Ibu bapa mereka juga turut berasa bangga.



Sesungguhnya, SKIT ialah satu perjalanan pemuridan dan transformasi. Di sinilah iman diperkukuhkan, peribadi dibentuk, persahabatan dijalin, dan panggilan Tuhan ditemui. Doa kami ialah agar setiap graduan melangkah keluar dengan kasih yang lebih mendalam kepada Kristus, asas yang lebih teguh dalam Firman Tuhan, dan komitmen seumur hidup untuk melayaninya sebagai murid yang setia dan pemimpin yang melayani. Dengan demikian, mereka akan menjadi berkat kepada keluarga, gereja, komuniti, dan generasi-generasi yang akan datang.

Sebuah Doa dari Pelajar SKIT 2026

Safuan Bin Mustapha (Temuan)
Methodist Damansara OA, Petaling Jaya



Inilah kami Tuhan. Kami datang ke hadirat-Mu sekali lagi, untuk menyerahkan diri kami ke dalam tangan Engkau, ya Bapa.

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan syukur kerana Engkau telah membawa kami, 10 orang pelajar untuk menghadiri Sekolah Kepimpinan Isakhar-Timotius ini. Ya Bapa, kami bersyukur kerana Engkau telah menjaga kami sepanjang 5 minggu di SKIT ini. Biarlah segala perkara yang telah kami pelajari akan kami hidupkan dalam kehidupan kami. Biarlah segala nasihat, peringatan dan ajaran akan kami ingat, kerana kami tahu Engkau akan menyetai kami sepanjang hidup kami.



Kuatkan dan teguhkan hati kami ya Tuhan, supaya kami akan terus setia berjalan bersama-Mu, supaya kami tidak menyimpang ke kiri atau kanan, kerana Engkau sudah berjanji untuk menyetai kami sampai bila-bila. Apabila kami taat merenung Firman-Mu, serta melakukan apa yang Alkitab katakan, Engkau juga berjanji akan membuat jalan kami berjaya dan berhasil.

Pakailah kami ya Tuhan, apabila kami kembali ke tempat masing-masing, supaya kami akan menjadi saksi Kristus; menjadi garam dan terang bagi setiap suku bangsa kami.



Kami percaya Engkau akan meniupkan api Kebangunan Rohani kepada kesemua 18 suku Orang Asli di Semenanjung. Satukan gereja Orang Asli ya Tuhan supaya mereka menjadi kuat dan teguh dalam iman mereka kepada Engkau.

Sekembali kami ke kampung dan tempat masing-masing, bantulah kami dalam perjalanan masa depan kami... sama ada sambung belajar, bekerja, atau yang melayani di gereja masing-masing... pimpin dan bimbinglah kami, ya Tuhan.



Saya Menjadi Lebih Yakin Diri

Yeok Man A/L Yeok Chanlun (Semai)
PMSM Kg Tibang, Ulu Slim River, Perak

Nama saya Yeok Man. Sebelum saya masuk ke SKIT, saya adalah orang yang sangat pemalu dan tidak yakin diri. Saya tidak faham apa yang saya nak belajar dan saya tidak faham tentang Alkitab.



Semasa saya berada di SKIT, kawan-kawan dan staff mengajar dan membantu saya untuk memahami Alkitab. Disiplin rohani saya juga dilatih kerana kami semua diwajibkan untuk membuat renungan Firman Tuhan setiap pagi. Selain itu, ada banyak kelas yang membantu saya bertumbuh secara rohani. Contohnya, Mengenal Hati Bapa. Saya bersyukur kerana saya diberi peluang untuk menyertai SKIT bersama kawan-kawan dan komuniti Kristian ini.



Selepas SKIT, saya berharap akan selalu berdoa supaya hidup saya tidak jauh daripada Tuhan. Saya percaya Tuhan akan selalu menjaga kita. Tuhan Yesus memberkati.



Pautan kepada Kesaksian Semua Pelajar SKIT
[Perkongsian Pelajar SKIT 2026](#)

Pautan kepada Graduasi SKIT 2026
[SKIT 2026 Graduasi LIVE](#)

Pautan kepada Sekilas Graduasi SKIT 2026
[Hari Graduasi SKIT 2026 \(20-Jun 2026\)](#)

Saya Belajar untuk Mengampuni

Airul Najwa A/L Anuar (Semai)
Gereja LCM Pengkalan Hulu, Perak



Saya ingin mengucapkan terima kasih dan bersyukur kepada Tuhan kerana telah mengerakkan hati saya untuk datang ke SKIT. Nama saya Airul dan saya berasal dari Pengkalan Hulu, Perak. Saya Orang Asli suku Semai.

Sebelum ke SKIT, saya tidak pernah meluahkan masa bersama Tuhan dalam renungan firman Tuhan dan jarang berdoa. Pada mulanya, saya berasa malu dan ragu-ragu untuk datang ke SKIT. Tetapi kemudian saya berasa gembira dapat bergaul bersama rakan-rakan dalam SKIT ini.

Di SKIT, saya belajar untuk berdisiplin dengan merenung firman Tuhan dan berdoa hampir setiap hari. Antara sesi yang menjadi kegemaran saya adalah "SKIT Got Talent" dengan meluahkan masa bersama rakan-rakan bermain, berlakon dan makan bersama. Itu adalah satu momen yang tak dapat dilupakan.



Pelajaran yang paling menyentuh hati saya adalah Pengampunan. Sesi itu mengajar saya untuk mengampuni orang lain supaya saya tidak memendam rasa tidak puas hati terhadap orang lain. Saya bersyukur kepada Tuhan saya banyak belajar mengenal diri saya lebih mendalam dan mendekatkan diri saya dengan Tuhan. Saya berharap, selepas SKIT saya dapat mendisiplinkan diri dengan konsisten dalam renungan firman Tuhan dan berdoa, agar kesetiaan saya pada Tuhan tidak akan pudar. Semoga Tuhan memberkati kita semua.



Saya Belajar Melayani Kanak-Kanak

Jurana A/P Hamdan (Semai)
PMSM Pos Bersih, Slim River, Perak



Nama saya Jurana A/P Hamdan. Sebelum ke SKIT, saya adalah seorang yang introvert dan jarang bergaul dengan orang lain. Saya juga kurang mengenali iman saya. SKIT telah membantu saya untuk lebih berani bercakap di hadapan orang ramai.

Melalui SKIT, saya belajar untuk mengenali diri saya, mengenali firman Tuhan dan terlibat dalam pelayanan. Pengalaman bermakna sepanjang berada di SKIT adalah semasa saya terlibat dalam pelayanan kanak-kanak. Sebelum ini saya tidak pernah terlibat dalam pelayanan kanak-kanak. Melalui pelayanan ini saya belajar bagaimana untuk mengajar kanak-kanak dan dapati ia menyeronokkan. Selama 5 minggu di SKIT saya rasa sangat bersyukur, diberkati dan sukacita kerana kenangan-kenangan yang terindah bersama kawan-kawan serta para staf.

Harapan saya selepas SKIT adalah saya tidak melupakan setiap pengajaran yang saya dapat SKIT. Saya harap saya akan terus bertumbuh dan terus belajar untuk mengenali Tuhan melalui firman-Nya, terus konsisten merenungi firman Tuhan siang dan malam seperti yang dilakukan di SKIT.



Saya juga berharap dapat terus aktif dalam pelayanan di mana pun saya berada, dan menjawab "Ya" kepada panggilan Tuhan dalam hidup saya. Saya berharap melalui pelayanan ini saya terus terhubung dan terus setia kepada Tuhan, dan menjadi contoh dan teladan kepada orang lain di kampung saya, terutamanya kepada muda-mudi. Saya mahu terus belajar menjadi terang dan garam di mana pun saya berada.

Akhir sekali, saya berterima kasih terutamanya kepada Kak Kharis yang telah mendorong dan membantu saya untuk menyertai SKIT.. Saya juga bersyukur kepada keluarga dan kawan-kawan saya, serta komuniti seiman di SKIT yang saya kasihi.. Yang terutama saya bersyukur kepada Tuhan yang telah menyertai perjalanan hidup saya sepanjang di SKIT. Puji Tuhan.

Sekarang Saya Tahu Hak Orang Asli

Wafarazira A/P Romi (Semelai)

Persekutuan Kasih OA Semelai (PERKOASM), Pahang



Nama saya Wafarazira A/P Romi. Sebelum ke SKIT, saya sukar merasakan hadirat Tuhan sehingga hubungan saya dengan-Nya sangat renggang. Tetapi saya terinspirasi oleh adik saya yang pernah mengikuti SKI. Setelah dia pulang

dari SKI banyak perubahan yang berlaku kepadanya. Sebab itulah bila poster SKIT keluar, saya dapati ada banyak topik yang menarik sehingga membuat saya sangat bersemangat untuk mengikuti SKIT.

Sepanjang SKIT saya dapat meluangkan masa bersama Tuhan dengan membuat renungan pagi. Saya dapat merasakan Tuhan berbicara dengan saya dan menegur kesalahan saya. Ini membuat fikiran dan hati saya lebih luas terbuka. Saya sangat bersyukur untuk waktu yang indah bersama Dia. Saya juga belajar menulis journal, dan melalui menjurnal, saya boleh meluahkan fikiran dan hati saya setiap hari.



Pelajaran yang paling menyentuh hati saya adalah "Sumberdaya dan Pendapatan" di mana kami diminta untuk melukis perkara yang paling kami suka di kampung. Kami melukis dan mewarna dengan penuh kesungguhan. Setelah selesai melukis dan mewarna, kami diminta untuk membentangkan hasil lukisan kami. Selepas semua orang membentangkan dengan penuh semangat dan mengambil gambar, tiba-tiba lukisan kami dirampas dan dikoyakkan oleh para staf!

Respon saya pada ketika itu sangat terkejut, kecewa dan rasa mahu menangis. Tetapi kami diberitahu beginilah tanah bangsa kami Orang Asli diceroboh dan dirampas. Sesungguhnya tanah dan hak-hak Orang Asli harus dipertahankan! Aktiviti ini membuat saya dapat merasakan bagaimana perasaan bangsa saya ketika tanah mereka diceroboh, dirampas dan dirosakkan.



Sejujurnya, saya bukan seorang yang peduli tentang adat atau kebudayaan saya, kerana adat suku saya digabungkan dengan perkara berhala sehingga membuatkan saya tidak tertarik untuk mengambil tahu. Selepas saya menjadi orang percaya, fokus saya lebih kepada Kekristianan. Kadangkala, saya tidak merasakan saya layak jadi sebahagian daripada mereka.

Tetapi pelajaran tentang hak dan identiti Orang Asli memberi kesedaran kepada saya. Selepas SKIT saya mahu terus meluangkan masa bersama Tuhan, dan menulis journal. Tuhan Yesus memberkati.



Saya Menjadi Anak Tuhan

Romeslan Bin Romero (Jakun)

Gereja Baptist Pekan, Pahang

Nama saya Romeslan atau lebih mesra dipanggil Gary. Saya Orang Asli dari suku Jakun. Sebelum saya mengikuti SKIT, saya seorang yang pemalas. Saya seorang yang tidak ada kesungguhan untuk ingin tahu mengenai Yesus, dan memiliki iman yang lemah dalam kepercayaan saya. Tapi saya percaya kehadiran saya di SKIT bukanlah satu kebetulan, tetapi satu rancangan Tuhan dalam hidup saya.



Satu hal yang mengubah hidup saya sepanjang SKIT adalah untuk belajar mengampuni seperti hati Bapa. Firman Tuhan di Matius 5:44 "Kasihilah musuhmu dan berdoalah bagi mereka yang menganiaya kamu." Ayat ini menyentuh hati saya untuk mengampuni orang yang bersalah kepada saya. Walaupun mengampuni itu sukar bagi saya, namun saya percaya Roh Kudus telah membuka pintu hati saya untuk mengampuni orang lain.





Sepanjang saya di SKIT, saya belajar banyak perkara baru. Itu telah membantu saya mempelajari serta memahami lebih dalam lagi mengenai Firman Tuhan. Saya belajar lebih dalam untuk mengenali diri saya, dan OH! Ternyata saya adalah unik dan istimewa di mata Tuhan.

Selain mengampuni, ada satu sesi yang sangat menyentuh hati saya sebagai orang yang percaya kepada Tuhan, iaitu sesi Doktrin Kristian. Sesi itu telah memberi impak kepada saya iaitu mempertahankan iman saya sebagai orang yang percaya.



Sepanjang di SKIT, saya sangat bersukacita dapat berkenalan dengan rakan-rakan yang berbeza suku, bangsa dan asal-usul. Mereka telah banyak membantu saya dan mendorong saya sepanjang kami bertumbuh bersama di SKIT.

Harapan saya selepas SKIT adalah saya ingin menjadi teladan dan contoh kepada muda-mudi yang melihat saya sebagai orang Kristian. Juga saya berharap daya dapat memperteguhkan iman saya sebagai orang yang percaya kepada Yesus Kristus. Harapan saya adalah mengagungkan dan memuliakan nama Tuhan dengan aktif dalam pelayanan.

Akhir sekali, saya bersyukur dan berterima kasih kepada Tuhan yang menyertai, Kawan-kawan, ibu saya dan ahli gereja saya, yang selalu membantu dan mendorong saya. Tuhan memberkati.




Identiti Saya dalam Kristus

Syahril A/L Samad (Temuan)
Pusat Injil Kelana Jaya, Selangor



Nama saya Syahril A/L Samad dan saya berasal daripada Kampung Sungai Leleh, Pahang. Saya dari suku Temuan. Saya adalah anak sulung daripada 3 orang adik beradik, dan tinggal bersama ibu saya. Sebelum SKIT, saya jarang merenungkan firman Tuhan. Saya Pemalas, degil, dan enggan mendengar cakap ibu saya.

Saya berasa gembira kerana di SKIT, saya mendapat ramai rakan-rakan seiman yang selalu mendorong saya untuk meluangkan masa bersama Tuhan. Detik yang paling saya suka adalah apabila saya mempunyai masa untuk merenungkan firman Tuhan. Selain itu, sesi kegemaran saya ialah Pengurusan Masa dan Wang, di mana saya belajar untuk menggunakan masa dengan bijak dan pengurusan wang yang cekap.



Sesi yang menyentuh hati saya adalah "Saya dalam Kristus", di mana saya belajar untuk mendekatkan diri saya kepada Tuhan. Saya bersyukur kepada Tuhan kerana sepanjang sekolah ini berlansung, saya dapat mengenal diri saya lebih dalam lagi dan meluangkan masa bersama Tuhan. Selain itu, saya bersyukur kerana telah mendapat ramai kawan seiman di SKIT ini.

Harapan saya selepas SKIT ini ialah agar Tuhan menggunakan saya untuk melayani dengan rendah hati dan dengan tekun. Saya juga berharap saya akan tetap berdisiplin dalam membuat renungan pagi, sentiasa berdoa dan selalu meletakkan harapan saya di dalam Tuhan. Tuhan Yesus memberkati.




Tandakan di Kalendar untuk SKIT 2027 & SKIT 2027



<https://www.sekolahisakhar.com.my/>

Buku Baru Liturgi Digital



RM 25

Liturgi Digital (Digital Liturgies) oleh Samuel D. James membincangkan bagaimana internet membentuk keinginan dan cara hidup manusia menurut perspektif Alkitab. Walaupun teknologi membawa banyak manfaat, Penulis menunjukkan bahawa ramai orang mencari dalam dunia digital apa yang hanya dapat diberikan oleh Tuhan. Beliau menghuraikan lima "liturgi digital" yang menjauhkan manusia daripada kebenaran, hikmat, dan pergantungan kepada Allah.

Buku ini mengajak pembaca kembali kepada Firman Tuhan dan hidup setia kepada Kristus di tengah-tengah dunia digital. Dengan gaya penulisan yang mudah difahami, ia sesuai untuk pelajar, ibu bapa, pemimpin gereja, dan semua orang Kristian.

Bagaimana Kita Boleh Bekerjasama?

- ☐ **Sponsor dan dukung "Kempen Satu Anak Kristian Satu Alkitab"** Wawasan Penabur
- ☐ **Menyumbang pada "Projek Didital Sabda Harian & Bicara Sabda"**
- ☐ **Mensponsor** pekerja sepenuh masa atau pelajar Sekolah Alkitab di pedalaman melalui **"Inisiatif Sikhem"**
- ☐ **Mendukung "Sekolah Kepimpinan Isakhar"**
- ☐ **Doa Syafaat.** "Jika bukan TUHAN yang membangun rumah, sia-sialah usaha kita yang membangunnya". Saya mahu serahkan diri kepada Tuhan untuk berdoa bagi gereja-gereja BM dan pelayanan Wawasan Penabur.

☐ **Saya / Organisasi/Syarikat saya mahu menyumbang untuk pelayanan Wawasan Penabur.**

Ini adalah sumbangan saya/kami untuk Wawasan Penabur*: RM _____

Nama: _____ Email: _____

Alamat: _____

Nombor Telefon: _____ (rumah) _____ (pejabat)

_____ (telefon bimbit) _____ (fax)

Cek: atas nama "Wawasan Penabur Sdn Bhd"

Bank-in: Akaun Maybank: 5623 6663 2813

* Sila fax/kirim/email *bank-in-slip* kepada kami.